

# METEOR anjur persidangan e-Learning

UM 17 APR 2001

KUALA LUMPUR 16 April - Multimedia Technology Enhancement Operation (METEOR) Sdn. Bhd. akan menganjurkan Persidangan dan Pameran Kebangsaan **Pembelajaran Elektronik 2001 (e-Learning)** buat kali **keduanya di sini**.

**Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad** dijadual **merasmikan** persidangan dan **pameran pada 7 hingga 10 Jun ini di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid**.

Pengerusi Eksekutif METEOR, Tan Sri Dr. **Abdullah Sanusi Ahmad** berkata, e-learning 2001 merupakan pameran rasmi dalam teknologi **pendidikan, pendidikan IT dan program pendidikan jarak jauh (PJJ)** yang diperakui oleh Kementerian **Pendidikan**.

"Objektif utama e-Learning 2001 adalah menyediakan satu **pelantar** untuk perkongsian **pengetahuan dan pengalaman** pembelajaran secara global," katanya **pada sidang akhbar di sini, hari ini**.

Tema **bagi** persidangan dan pameran kali **ini** ialah Menuju Ke Arah **Masyarakat e-pendidikan**.

Persidangan yang **pertama** ialah **pada 25 hingga 28 Mei** lalu.

Pameran kali **ini** antara lain akan **memberikan** tumpuan kepada **kepentingan e-pendidikan** kepada golongan pelajar **selain** menjadikan mereka **masyarakat yang mampu menguasai** maklumat.

Langkah **ini** akan **menjadi** penggalak kepada **penggunaan inovasi yang tinggi** dalam **sektor kerajaan, korporat dan pendidikan**.

"E-Learning **mempamerkan** inovasi dan penyelesaian IT, terbaru **untuk** menyampaikan **maklumat terkini** sebagai **usaha** memajukan **lagi** bidang pendidikan di negara **ini**," katanya.

Beliau **juga** **menekankan** pentingnya **pembelajaran** elektronik dalam merealisasikan satu **masyarakat yang berorientasikan** penggunaan **teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)**.

## Pengajian

"**Ini** merupakan **satu misi** untuk **meningkatkan keberkesanan sistem pengajaran dan pembelajaran** institusi **pengajian tinggi** melalui **IT**," katanya **lagi**.

Menurut Abdullah, **usaha tersebut** sebagai **menyahut** cabaran dalam **dunia ekonomi baru (k-ekonomi)**.

Persidangan **dan pameran empat** hari itu ditaja oleh Celcom Malaysia Sdn. Bhd. dan Malaysia National Insurance Berhad.

METEOR merupakan konsortium 11 universiti awam di Malaysia **dan diuruskan** oleh Uni-Link Smart Venture Sdn. Bhd. (**syarikat bersekutu UTM**) dengan **kerjasama Kementerian Pendidikan**.